

02/09/1999

Tiada pengeluaran besar dana asing (HL)

Azizi Othman; Jamhariah Jaafar; Abdul Halim Yusoff; Azli Ayob
KUALA LUMPUR, Rabu - Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mengharungi tarikh 1 September tanpa sebarang kejutan dengan kebanyakan pelabur asing membuat keputusan untuk terus melabur.

Hanya AS\$328 juta (RM1.246 bilion) pelaburan portfolio asing dibawa keluar dari negara ini hari ini, berbanding unjuran antara AS\$5 bilion (RM19 bilion) hingga AS\$7 bilion (RM26.6 bilion) oleh sesetengah pihak sebelum ini.

Walaupun penanda aras, Indeks Komposit, menurun 14.15 mata untuk ditutup pada 752.91 mata, urusan niaga hari ini tetap dianggap biasa oleh penganalisis pasaran.

Mereka berpendapat, kemerosotan itu lebih merupakan pembetulan yang dijangkakan selepas Bursa Saham New York jatuh 84.85 mata kepada 10,829 hari ini.

Bank Negara Malaysia dalam satu kenyataan ringkas petang ini, bagi mengumumkan jumlah pengeluaran dana portfolio asing, berkata jumlah berkenaan dianggap kecil.

Bagaimanapun, bank pusat itu berkata, ia akan terus memantau dengan rapi sebarang aliran keluar masuk dana ke negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun kerajaan menduga pasaran saham mencatat kejatuhan hari ini, kemerosotan yang dicatat tidak begitu membimbangkan.

"Keadaan sukar diduga kerana masih terlalu awal tetapi kerajaan mempunyai rizab yang lebih daripada mencukupi bagi menampung sebarang pengeluaran dana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa, di sini.

Sebelum ini, beberapa laporan menyebut, pelabur asing mungkin mengeluarkan pelaburan mereka secara besar-besaran dari BSKL pada 1 September, hari pertama mereka boleh berbuat demikian tanpa dikenakan cukai keluar.

Dana portfolio yang masuk ke negara ini pada 1 September 1998 atau sebelumnya, dikenakan cukai keluar 10 peratus jika dihantar pulang sebelum hari ini.

Jumlah pengeluaran kecil oleh pelabur asing itu menafikan ramalan negatif sesetengah pihak bahawa berlaku aliran keluar dana secara besar-besaran hari ini. Ia juga menolak andaian kawalan modal terpilih yang dilaksanakan Malaysia sejak tarikh yang sama tahun lalu, gagal.

Pengurus Dana Amanah Saham Selangor (Asas), Rusli Abu Yamin berkata pihaknya tidak menjangka berlaku tekanan jualan di pasaran memandangkan dana asing yang ingin keluar dari pasaran sudah berbuat demikian sejak sebulan lalu.

"Tarikh 1 September 1999 adalah hari biasa saja, tidak seperti digembar-gemburkan penganalisis asing kononnya langkah kawalan modal terpilih Malaysia akan gagal dengan pengeluaran dana asing besar-besaran," katanya.

Di LONDON, pengurus pelaburan di Scottish Widows Investment Management Ltd berkata, sehingga hari ini kebanyakan pengurus dana asing yang masih mempunyai portfolio di Malaysia, belum melupuskan pegangan mereka.

"Umumnya mereka akur bahawa tiada sebarang ancaman besar terhadap dana berkenaan manakala potensi pertumbuhannya adalah positif berbanding yang diunjurkan di mana-mana negara serantau," katanya.

Penganalisis Asia di Unit Penyelidikan Ekonomi Britain, John Price, berkata perkembangan di Malaysia masih disambut dengan sikap tunggu dan

lihat oleh pengurus dana di London.

"Masih terlalu awal bagi kami memberikan sebarang unjuran mengenai apa yang akan berlaku di Kuala Lumpur dalam tempoh seminggu dua ini kerana wujud pendapat berbeza," katanya.

Beliau berkata, ketika sesetengah pengurus dana yang pegangan mereka `terperangkap' sejak lebih setahun lalu mahu menariknya keluar, ramai juga yang menganggap sebarang kebimbangan hanya faktor psikologi.

"Bagaimanapun, sesuatu yang pasti ialah ada pihak kini mempunyai tanggapan positif terhadap Malaysia berbanding 100 peratus negatif kira-kira lapan atau sembilan bulan lalu," katanya.

(END)